




**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI



# LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM



- Peraturan 18 (1) Dan Peraturan 18(2) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
- Kaedah 17 Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2014

## “Sila Berhemah di Media Sosial”

**SEMUA STAF ATAU PELAJAR UPM DILARANG / DITEGAH**

**1** Membuat pernyataan awam dengan menggunakan media sosial yang boleh memudaratkan, menyatakan perkara-perkara atau maklumat yang diklasifikasikan sebagai **SULIT** atau memalukan atau memburukkan nama baik dan reputasi Universiti / staf / pelajar lain.



**2** Mana-mana staf atau pelajar yang melanggar peruntukan ini boleh diambil tindakan tatatertib.

[kb\\_bgi@upm.edu.my](mailto:kb_bgi@upm.edu.my)

SEKSYEN INTEGRITI, BAHAGIAN GOVERNAN DAN INTEGRITI PEJABAT NAIB CANSOLOR

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI



Warga UPM diingatkan supaya lebih berhemah semasa membuat apa-apa pernyataan awam secara lisan/ bertulis di media massa atau semasa menggunakan kemudahan media sosial dan di medium interaksi lain di internet. Contoh-Contoh pernyataan awam:



**DATA**



**REKOD**



**KENYATAAN**



**VIDEO**



**AUDIO VISUAL**

## CONTOH-CONTOH PERNYATAAN AWAM:

- Perbuatan atau tingkah laku dengan memberikan pandangan/ulasan menerusi aplikasi media sosial dan elektronik yang telah tidak menzahirkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan;
- Memudaratkan Dasar/ Rancangan/ Keputusan Universiti atau Kerajaan tentang apa-apa isu;
- Memalukan atau memburukkan nama Universiti atau Pegawai-Pegawai Universiti;
- Menunjukkan kelemahan Dasar/ Rancangan/ Keputusan Universiti atau Kerajaan;
- Memberi maklumat atau fakta mengenai perjalanan fungsi Universiti;
- Memberi penjelasan berkenaan apa-apa peristiwa/ laporan berkaitan Universiti;
- Memuat naik minit mesyuarat, surat lantikan, surat kelulusan; dan membuat hebahan maklumat yang diklasifikasikan sebagai SULIT;
- Memberi komen atau memuat naik gambar sewaktu sesi viva sedang berlangsung;
- Berkongsi maklumat dengan dipanjangkan melalui apa-apa medium komunikasi yang boleh menjatuhkan maruah dan menyalahi undang-undang;
- Memuat naik sesuatu maklumat untuk dikongsi di media sosial sehingga boleh mencemarkan imej organisasi atau Pegawai-Pegawai Universiti;
- Perbuatan menyebarkan/menularkan sesuatu perkara dengan dikongsi di media sosial; dan
- Pernyataan awam ini termasuklah ulasan kepada pihak media, pernyataan, syarahan kepada orang ramai, penyiaran, penerbitan dan sebagainya dan termasuklah di media sosial tanpa kebenaran pihak Universiti.

kb\_bgi@upm.edu.my

SEKSYEN INTEGRITI, BAHAGIAN GOVERNAN DAN INTEGRITI PEJABAT NAIB CANSOLOR

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE